



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE

# Dilindungi daripada rasa bimbang



Membeli perlindungan MediShield yang sesuai dari awal boleh melindungi anda sekiranya anda mempunyai bil hospital besar pada masa hadapan.

**H**anya enam bulan selepas suri rumah Cik Sumanah Kasbi dikesan menghidap penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi, beliau tiba-tiba mengalami kesukaran bernafas.

Keluarganya menyangka kesukarannya untuk bernafas boleh diatasi dengan mudah kerana sebelum ini, mereka hanya perlu membawanya untuk mendapatkan rawatan pesakit luar.

Menantu lelakinya, Encik Abdul Hamid Mohd berkata: "Kami fikir ia hanyalah masalah kecil. Kami membawanya ke klinik pakar pesakit luar dan kami fikir rawatannya cepat dan mudah."

Sebaliknya, apa yang diberitahu oleh doktor amat mengejutkan: Cik Sumanah menghidap penyakit pneumonia teruk dan kegagalan ginjal. Rawatan di hospital diperlukan.

Beliau dimasukkan ke wad Kelas B2 di Hospital Alexandra dan menetap di hospital itu selama hampir dua bulan dari 6 Oktober hingga 30 November tahun lalu. Beliau turut menetap dalam unit jagaan rapi (ICU) selama 20 hari kerana beliau memerlukan sokongan alat bantuan pernafasan (ventilator).

"Kami tidak sangka ia begitu serius dan beliau perlu tinggal dalam wad begitu lama," kata Encik Hamid, seorang pegawai teknikal pengurusan hartanah kanan.

Apabila beliau melihat bahawa bil perubatan bagi ibu mentuanya mencecah \$26,407 — selepas subsidi Pemerintah — beliau panik.

Walaupun Encik Hamid telah membantu Cik Sumanah membeli pelan insurans di bawah MediShield Asas 15 tahun lalu dan telah juga membantu suri rumah itu dengan menokok akaun Medisavenya, beliau tidak pasti sama ada terdapat dana yang cukup untuk menampung bil hospital yang besar itu.

Beliau dengan segera berjumpa dengan para pekerja perubatan sosial. Dalam masa seminggu, beliau mendapat jawapannya: Dengan MediShield dan Medisave, bil tersebut dikurangkan daripada \$26,407 kepada sekitar \$6,630. MediShield menampung sekitar 60 peratus bil tersebut.

Kata Encik Hamid: "Melabur dalam MediShield adalah satu keputusan yang menguntungkan. Anda memasukkan sejumlah wang tetapi anda boleh menuntut jumlah yang lebih besar. Anda tidak tahu bila anda memerlukannya, terutamanya memandangkan kos perubatan boleh menjadi amat tinggi. Kali ini, MediShield benar-benar membantu kami."

MediShield Asas, sebuah skim insurans perubatan kos rendah, memberikan para pesakit seperti Cik Sumanah perlindungan daripada bil hospital besar. MediShield yang direka terutamanya untuk wad-wad Kelas B2 dan C, menampung 60 peratus daripada bil-bil besar bagi wad-wad ini.

Kementerian Kesihatan kini menyarankan untuk mengurangkan lagi bayaran bersama (co-payment atau bahagian bil yang perlu dibayar pesakit) bagi bil-bil besar daripada 40 peratus pada masa ini kepada 20 peratus, sebagai sebahagian daripada semakan MediShield terbaru. Perubahan premium akan sentiasa termampu. Keluarga seperti keluarga Cik Sumanah pasti mengalu-alu peningkatan kepada

Jumlah bil sebelum subsidi Pemerintah	\$57,525
<b>Jumlah bil selepas subsidi Pemerintah</b>	<b>\$26,407</b>
Bahagian bil yang boleh dituntut daripada MediShield	\$18,850
• 35 hari dalam wad B2 dan 20 hari dalam ICU*	\$18,750
• Prosedur pembedahan	\$100
*Had tuntutan setiap hari	
• Untuk wad biasa: \$250	
• Untuk ICU: \$500	
Tolak deductible:	
\$1,500 setahun bagi Kelas B2	(\$1,500)
Tolak insurans bersama	(\$1,985)
Jumlah yang dituntut daripada MediShield	\$15,365
Jumlah yang dibayar daripada Medisave	\$4,412
<b>Jumlah yang dibayar dengan wang tunai</b>	<b>\$6,630</b>
<i>Peratusan yang dibayar oleh pesakit dengan wang tunai: 25%</i>	

**Melabur dalam MediShield adalah satu keputusan yang menguntungkan. Anda memasukkan sejumlah wang tetapi anda boleh menuntut jumlah yang lebih besar. Anda tidak tahu bila anda memerlukannya, terutamanya memandangkan kos perubatan boleh menjadi amat tinggi.**

— ENCIK ABDUL HAMID MOHD

MediShield Asas kerana bahagian bil yang mereka perlu bayar kelak akan dikurangkan lagi.

Untuk membantu warga tua Singapura membayar bil perubatan mereka dan premium MediShield mereka yang mungkin meningkat, Pemerintah akan menokok sehingga \$450 kepada akaun Medisave untuk semua yang berusia 51 tahun dan ke atas, tahun ini.

Kes Cik Sumanah juga memaparkan perlunya seseorang membeli pelan insurans perubatan seawal mungkin. "Mujurlah, kami sudah membeli insurans untuk ibu mentua saya 15 tahun lalu," ujar Encik Hamid. "Memang baik untuk membuat persiapan. Dengan MediShield, saya berasa tidak perlu bimbang jika sesiapa sahaja dalam keluarga kami mempunyai bil yang besar pada masa depan."

Kini, Cik Sumanah sudah tiga bulan keluar hospital. Encik Hamid berkata beliau kini agak sihat dan hanya memerlukan pengawasan diet, selain mengambil ubat-ubatannya secara tetap.

Setiap orang harus dilindungi skim-skim insurans perubatan yang sesuai dengan keperluan diri dan keluarga mereka. Jika anda ingin menetap di wad kelas lebih tinggi atau hospital swasta, anda harus memilih pelan insurans bersepadu swasta yang diluluskan Medisave, yang menawarkan perlindungan lebih tinggi di samping MediShield asas.

